

Oleh Zulkarnain Azman
sukan@hmetro.com.my

Jiwa kental Azizul

Kuala Lumpur

Jaguh basikal trek negara, Datuk Azizulhasni Awang mendedahkan bahawa dirinya berseorangan ketika menyertai kejohanan Austral Wheelrace edisi ke-125 kelmarin.

Pelumba berusia 34 tahun yang menjalani pembedahan jantung April lalu berkata, ia bukan satu yang mudah untuk mengharungi kejohanan berseorangan sambil menyifatkan pengorbanan itu berbaloi buat dirinya selepas meraih emas acara pecut.

"Alhamdulillah pertamanya saya sangat bersyukur dengan prestasi di Kejohanan 125th Austral Wheelrace ini. Kedudukan pertama dalam acara sprint dan kedua dalam acara keirin memberikan mata penting untuk saya layak ke Nation Cup awal tahun depan yang mana antara proses kelayakan ke Sukan Olimpik Paris 2024.

"Saya berbangga kerana dapat mengharungi perlum-

Pengorbanan berbaloi selepas raih emas dan perak di Australia berseorangan

baan ini terkontang-kanting seorang diri. Sayalah atlet, sayalah mekanik, sayalah 'helper' diri saya dan sayalah jurulatih sendiri. Bukan mudah berlumba di peringkat tinggi dan perlu uruskan."

"Ditambah dengan usia pertengahan 30-an, proses pemulihan agak perlahan dan tidak seperti ketika di usia 20an dulu. Saya memanasakan badan seorang diri, saya tukar 'gearing' sendiri dan pelbagai perkara saya lakukan secara 'multitasking' ketika perlumbaan berlangsung dan ini kali pertama saya perlu berhadapan dengan cabaran sebegini rupa, pada usia sebegini.

"Bukanlah sesuatu yang ideal untuk peringkat berprestasi tinggi, kadang-kadang jiwa kena kental,"kongsi Azizul di laman Facebook miliknya semalam.

Kelmarin, Azizulhasni



Alhamdulillah pertamanya saya sangat bersyukur dengan prestasi di Kejohanan 125th Austral Wheelrace ini"

Azizulhasni

meraih kejuaraan pertamanya selepas berehat selama tujuh bulan apabila mengatasi pelumba Blackburn Cycling Club, Sam Gallagher 2-0 pada aksi final pecut sebelum menjelmakan perak dalam acara keirin.

Dalam pada itu, Azizul turut mengakui prestasinya meningkat dengan drastik berbanding perlumbaan sebelum ini.

